

RENCANA UTAMA

Oleh: Shah Mohd. Akmal Abdul Halim

AMARAN ALAM

Tahun 2023 bagaikan bermula dengan langkah kiri apabila dunia digemparkan dengan tragedi gempa bumi di Turkiye dan Syria pada Februari lalu. Sesungguhnya, tragedi amukkan alam merupakan fenomena yang menginsafkan. Implikasi bencana alam memusnahkan hampir sekalian hidupan, iaitu manusia, haiwan dan tumbuhan. Bahkan, dahsyatnya dampak bencana alam ini berupaya melenyapkan nilai ketamadunan bersama legasi agung yang terbina sejak berabad lamanya.

Sejah membuktikan bahawa dampak malapetaka tersebut benar-benar mengancam seluruh hidupan sehingga dikatakan oleh sarjana sebagai antara faktor kemusnahan tamadun. Bencana alam seperti banjir, kemarau, dan letusan gunung berapi dan gempa bumi merupakan "pemangsa" utama dalam kitaran ini. Berbagai-bagai tamadun yang kini hanya tinggal sejarah usai dibadai oleh bencana alam yang mematikan.

Suatu ketika dahulu, tamadun seperti Mesa Verda, Empayar Akkadia, Empayar Maya, dan Dinasti Tang menjadi mangsa kemarau. Pada tahun 1480 SM, Tamadun Minoan pula pupus disebabkan oleh bencana seperti gempa bumi, letusan gunung berapi dan tsunami sehingga menenggelamkan kota Purba Minoan. Bencana banjir pula sering kali dikaitkan dengan tenggelamnya Kota Atlantis biarpun tragedi ini masih beredar pada kerangka mitos yang gagal dibuktikan secara arkeologi. Namun begitu, tragedi yang tercatat sejarah dunia ini sudah terang lagi bersuluh menggambarkan sesungguhnya amukkan alam itu benar-benar terjadi dan mampu membinasakan.

UAT MANUSIA



Memasuki era moden, bencana alam kini masih lagi wujud dan antara yang digeruni apabila melibatkan ancaman gempa bumi. Secara historikal, pakar bencana alam telah mendokumentasikan fenomena gempa bumi selama hampir 4000 tahun. Catatan sejarah menunjukkan bahawa hambatan gempa bumi yang dahsyat telah berlaku pada 23 Januari 1556 di wilayah Shaanxi, China. Kematian direkodkan dengan anggaran 830 000 nyawa, sekali gus menjadikannya sebagai antara sejarah gempa bumi yang paling dahsyat.

Berbalik pada era kontemporari, tragedi gempa bumi di Turkiye dan Syria pada 6 Februari 2023 menjadikan pembukaan bagi tahun 2023 begitu mendukacitakan. Gempa bumi yang berukuran 7.8 magnitud itu merupakan antara gempa bumi terkuat yang pernah direkodkan di Turkiye dan Syria. Gempa bumi tersebut mengakibatkan kemusnahan dan kadar kematian yang tinggi di Turki Tenggara dan Barat Laut Syria. Setakat 1 Mac 2023, sebanyak 53 500 kematian telah disahkan dengan pelbagai kerosakan yang dianggarkan bernilai A.S.\$84.1 bilion.

Bagi negara yang tidak terancam dengan bencana gempa bumi seperti Malaysia, kejadian ini sewajarnya menginsafkan masyarakat untuk menghayati bahawa betapa pentingnya usaha untuk menjaga kelestarian alam. Pada dasarnya, tidak banyak pilihan yang dapat dilakukan apabila sesebuah negara terdedah dengan tragedi bencana alam semula jadi sedemikian, selain sekadar merancang pengurusan risiko demi mengurangkan dampaknya.

Malaysia umpama dipayungi oleh rahmat alam. Lokasinya pula terletak di luar garisan Lingkaran Api Pasifik mengelakkan negara ini ditimpa malapetaka yang dahsyat seperti gempa bumi dan letusan gunung berapi. Masalah yang berlaku hanyalah melibatkan bencana alam yang boleh dikawal seperti banjir yang berlaku saban tahun.

Keadaan ini semakin mengusarkan apabila tiada kerangka konstruktif yang



Malaysia kaya dengan keindahan flora dan fauna.

digubal untuk menyelesaikannya. Saban tahun, kitaran ini berulang-ulang walaupun kita telah menembusi era teknologi yang mampu mengelakkan daripada berlakunya bencana banjir seperti ini. Namun begitu, di sebalik sentuhan tentang teknologi yang terlalu kompleks dan jauh ke depan, terdapat isu fundamental seperti isu rasuah yang sebenarnya sering kali diabaikan. Pada dasarnya, isu ini yang sewajarnya diberi keutamaan terlebih dahulu selaku akar kepada masalah bencana alam di negara ini.

Ketamakan dan kerakusan dalam menjarah hasil bumi menjadi jawapan kepada segala permasalahan bencana alam di negara ini. Sesetengah pihak sepertinya tidak bersyukur apabila negara terhindar daripada bencana alam di luar kawalan seperti gempa bumi dan letusan gunung berapi. Di sebalik kesibukan negara lain memikirkan kaedah untuk meminimumkan dampak bencana alam, kita pula tanpa disedari sering mengundang bencana alam disebabkan oleh keasyikan sebilangan pihak dalam menjarah kekayaan alam secara berleluasa.

Malaysia Bumi Bertuah

Benar, Malaysia bertuah bukan disebabkan oleh terhindar dari Lingkaran Api Pasifik, bahkan sesungguhnya kaya dengan flora dan fauna yang begitu menakjubkan. Negara terkenal dengan flora dan fauna yang subur. Hingga kini, masih merangkumi lebih dari lima daripada Semenanjung dan sekitar dua pertiga daripada Sabah. Pada tahun 2022, diliputi keluasan hutan sebanyak 55.3 peratus atau 18.83 juta hektar berbanding dengan keluasan tanah negara. Daripada peratusan ini, bagi jenis hutan yang terbenam. Antaranya, termasuklah Hutan Paya Gambut, Hutan Dipterokarpa Atas, Hutan Subtropikal Montane (juga dikenali sebagai Hutan Ericaceous). biodiversiti hutan ini menjadikan antara daya tarikan pelancong merangkumi kawasan air terjun gunung-ganang dan bukit-bukit pemandangan menakjubkan.

Lantas, rahmat kurniaan Tuhan menjadikan spesies tumbuhan



hujan Malaysia sebagai antara yang terkaya di dunia. Terdapat beribu-ribu spesies tumbuhan vaskular, termasuklah lebih daripada 2000 spesies pokok, selain bunga raksasa parasit yang dikenali pada peringkat global, iaitu *Rafflesia Arnoldi* daripada keluarga *Rafflesia* Ceae yang mempunyai bunga dengan ukuran kira-kira tiga kaki (satu meter) diameter. Bukan sekadar itu, hutan hujan negara ini turut terdiri daripada pelbagai jenis tumbuhan periu karnivor (*Nepenthes*), manakala satu ekar (0.4 hektar) hutan mengandungi kira-kira 100 spesies pokok yang berbeza seperti pokok renek, herba, liana (menjalar), dan epifit (tumbuhan bukan parasit yang tumbuh pada tumbuhan lain dan memperoleh khasiat dari atmosfera).

Namun demikian, nikmat dan rahmat ini seolah-olah tidak dihargai bagi sesetengah pihak yang menjadikannya sebagai lubang kekayaan. Masakan tidak, hutan hujan di Malaysia dikatakan menjadi perumah kepada kira-kira 2650 spesies pokok balak yang begitu bernilai tinggi. Famili *Dipterocarpaceae* yang dikaitkan dengan kumpulan pokok balak seperti balau, cengal, kapur, keruing, meranti,

merawan, resak, mersawa dan seraya menjadikan kayu balak di Malaysia menggamit perhatian pihak tertentu yang sedar akan nilai tingginya. Nilai harga kayu balak yang tinggi mencetuskan kerakusan manusia untuk menjarah hasil hutan tanpa mempedulikan natijahnya terhadap alam.

Selain hasil hutan, negara ini turut kaya dengan sumber mineral bumi yang dianggarkan bernilai RM4.11 trilion. Dalam pecahannya, mineral berlogam seperti timah, emas, tembaga, bijih besi, nikel, mangan dan NR ree dianggarkan keseluruhannya bernilai RM1.03 trilion. Bagi mineral bukan logam pula seperti pasir laut, pasir sungai, pasir silika, kuarza, kaolin, lempung bebola, marin, batu kapur, dolomit, feldspar, mika dan batu dimensi bernilai RM2.96 trilion. Satu-satunya mineral tenaga, iaitu arang batu pula bernilai RM0.12 trilion. Atas faktor ini, rahmat yang melimpah ruah di bumi bertuah Malaysia memangkinkan nafsu penjarah yang rakus untuk menggondol segala kekayaan ekologi negara ini. Pada akhirnya, nafsu serakah ini berakhir dengan kerosakan alam yang membinasakan.

“ Malaysia sesungguhnya kaya dengan rahmat alam yang begitu menakjubkan. Negara ini terkenal dengan flora dan fauna hutan hujan yang subur. ”



Demi Nafsu Serakah


Di Malaysia, aktiviti pembalakan dan menggondolkan hutan merupakan aktiviti yang semakin berleluasa memandangkan hasilnya sangat menguntungkan. Perniagaan menjarah hasil bumi tanpa kawalan ini kebiasaannya didapati melalui dua cara, iaitu keadah secara sah ataupun secara jalan belakang. Jalan belakang tanpa kawalan pihak autoriti tentu sekali membinasakan, manakala melalui jalan depan turut tidak kurangnya memberikan natijah alam sekalipun tergolong sebagai aktiviti halal.

Pada kebiasaannya, jalan depan dilihat kurang membinasakan berbanding dengan jalan belakang. Namun begitu, biarpun melalui jalan "halal", syarikat yang diberikan konsesi untuk menguruskan hutan ini ada kalanya bagaikan hilang pertimbangan akal apabila tindakan mereka bertentangan dengan Peraturan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) apabila rakus memusnahkan ekologi alam semula jadi di Malaysia.

Dalam hal ini, jalan belakang turut dilihat mendatangkan kerosakkan yang berganda. Suburnya aktiviti jalan belakang tanpa kawalan ini seakan-akan menggambarkan seolah-olah ghaibnya pihak berautoriti di negara ini. Hari demi hari, berbondong-bondong isu pendedahan aktiviti penjarahan haram didedahkan. Daripada pencerobohan hutan, perlombongan haram, perikanan haram, hinggalah kepada aktiviti pembalakan haram, kesemua ini masih menjadi misteri yang belum terungkai bahkan berleluasa secara konsisten.

Biarpun banyak pendedahan dari pelbagai pihak yang cuba menghubungkannya dengan kerangka rasuah, pencabulan dan perogolan hutan semakin menjadi-jadi saban hari. Pendedahan dan tangkapan yang dilakukan gagal menghentikan penularannya, seolah-olah menggambarkan tangkapan ini sekadar bersifat penyelesaian sementara. Melangkah ke hadapannya, isu ini tetap berlaku sepertinya tiada penghujungnya.

Bagi isu pembalakan haram sebagai contoh, setakat tahun 2022, sebanyak 90 kes pembalakan haram direkodkan di seluruh negara. Meskipun dilengkapi dengan sistem teknologi canggih seperti Geographic Information System (GIS), penderiaan jarak jauh dan imej satelit beresolusi tinggi yang boleh mengesan sebarang perubahan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK), isu pembalakan haram tidak berhasil dituntaskan. Keadaan ini seakan-akan menggambarkan bahawa teknologi canggih ini berfungsi sekadar



Pihak yang tidak bertanggungjawab tanpa segan silu terus menjarah kekayaan hasil bumi negara.

penyelesaian bersifat permukaan dan inti patinya tentunya berbalik pada hal fundamental seperti rasuah yang kekal menjadi duri dalam daging. Jika dijustifikasikan secara mendasar, hubungan rasuah dengan kegiatan haram ini mempunyai titik silang yang signifikan. Contoh empirikal dapat ditonjolkan berdasarkan kes kontroversi melibatkan pembukaan ladang "emas baharu", iaitu duri *musang king* di Raub Pahang yang beroperasi secara haram selama bertahun-tahun tanpa dikesan oleh pihak berautoriti. Keadaan ini memunculkan satu titik persoalan besar. Dari segi logik dan rasionalnya, persoalan dan prasangka ini adalah wajar kerana keadaan sebegini sukar diterima oleh akal yang waras. Perkara ini menjelaskan tentang wujudnya sebuah kelompangan sistem yang begitu ketara sehingga melorongkan pelaku-pelakunya untuk memperluas empayar haram tanpa berasa bimbang.

Kelompangan ini pada akhirnya menggalakkan lagi aktiviti pencerobohan hutan simpan sehingga menjadi trend yang semakin mengusarkan. Kini, perosak alam ini semakin berani menerobos sehingga menjangkau kawasan tumpuan pelancongan yang kaya dengan nikmat alam, seperti Cameron Highland dan Bukit Tinggi. Apabila diasiasat oleh pihak berkuasa, didapati banjir ini berpunca daripada pembukaan ladang halia secara haram. Persoalannya, apakah "motivasi" yang melatari aktiviti haram ini?

Dalam konteks ini, selain terdorong untuk melakukannya melalui jalan rasuah, faktor keuntungan dan keraku menjadi pertimbangan penting dalam menjelaskannya. Bagi ladang haram, pengusaha tentunya dapat berjimat dengan angka yang besar terutamanya melibab kos sewa atau pajakan tanah yang tidak perlu dikeluarkan meskipun tanah yang diguna pakai sangat luas. Misalnya, se-*akhbar arus perdana* pada Julai 2021 melaporkan tanah seluas 101.17 hektar kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) Bukit Talam, Raub yang digunakan dianggarkan membawa keuntungan sehingga RM42 juta untuk satu musim tuai. Dalam hal bagi kegiatan haram seperti pembalakan dan perlombongan haram, sudah tentu melibatkan angka jutaan hingga bilion ringgit yang begitu menggiurkan sehingga mengaburi mata individu yang melihat. Pembalakan haram tanpa perlunya mematuhi sebarang etika autoriti menjadikannya hutan seakan-akan harta sendiri yang dijarah dengan semahu-mahunya. Dengan memaksimumkan keuntungan, jumlah yang digondolkan dengan sewenang-wenang sehingga akhirnya alam melampiaskan amukkan kepada sekalian kehidupan yang berdos.

Binasa Amukkan Alam

Malaysia meskipun berada di luar Lingkaran Api Pasifik, namun sejak kebelakangan ini kerap ditimpa bencana alam seperti tanah runtuh dan banjir besar yang benar-benar



memberikan kesan kepada negara. Pada dasarnya, lampias amukkan alam bukan hal enteng yang boleh dilihat sebelah mata. Bayarannya begitu besar kerana terpaksa mengorbankan sejumlah nyawa yang tidak berdos.

Penghujung tahun 2022 menyaksikan penutupan tirai bagi tahun tersebut dengan tragedi alam yang menyedihkan. Negara dikejutkan dengan kejadian tanah runtuh ke-23 sepanjang tahun 2022 yang terburuk dicatatkan dengan meragut sehingga 31 nyawa, termasuklah kanak-kanak di tapak perkhemahan Father's Organic Farm, Batang Kali, Selangor. Musim hujan sekitar penghujung tahun pada saban tahun merupakan bencana yang perlu diawasi. Jika diimbis kembali, pengakhiran tahun 2021 turut sama tidak berakhir dengan menyenangkan natiyah tragedi banjir

yang maha dahsyat. Dalam kejadian itu, sebanyak 54 kematian dicatatkan dengan kerugian hampir mencecah RM6.1 bilion. Pada penghujung 2022, banjir bersiri ini kembali lagi sehingga mengorbankan lima orang mangsa dengan kerugian kira-kira RM622.4 juta. Tahun 2022 memperlihatkan banyak kejadian yang membadai bumi Malaysia. Antaranya, termasuklah melibatkan tragedi banjir sebanyak tiga kali dalam tempoh dua bulan yang mabadai Baling, Kedah dan meragut sebanyak tiga nyawa sehingga meninggalkan trauma dalam kalangan penduduk kampung apabila hujan mulai turun membasahi bumi. Banjir di Baling telah menjejaskan hampir 50 buah rumah dengan jumlah keseluruhan dianggarkan sekitar RM28 juta. Faktor geologi berangkai melalui penerokaan hutan yang dilakukan



Adakah tragedi alam yang berlaku benar-benar menginsafkan manusia?

di kawasan Gunung Inas menjadi faktor penting dalam menjelaskan tragedi ini.

Di Perak, isu kebotakan bukit akibat penarahan bukit batu kapur secara berleluasa memburukkan pemandangan kawasan Ipoh. Kesan daripada penarah: bukit ini menyebabkan pin tanah yang berperanan sebagai tetulang tanah di kawasan bukit mulai goyah daripada strukturnya. Berbagai-bagai saranan oleh pelbagai pihak diutarakan apabila menyentuh tentang risiko tarahan bukit kapur ini, namun saranan kekal menjadi saranan tanpa tindakan yang substantif Walau bagaimanapun, bahayanya runtuh bukit batu kapur telah pun dibuktikan melalui sejarah dengan mengingatkan kembali tentang kejadian runtuhan strul batu kapur gunung Cheroh, Ipoh pada tahun 1973 hingga mengorbakan 42 nyawa penduduk Kampung Kacang Putih. Kelihatannya iktibar daripada kejadian tersebut tidak langsung diendahkan. Ditambah pula dengan kawasan kuari yang berhampiran dengan penempatan penduduk meningkatkan lagi risiko berulangnya tragedi sama yang pernah berlaku suatu ketika dahulu.

Pada akhirnya, kerakusan dan ketamakan masyarakat yang menjarah hasil bumi tanpa memikirkan implikasin tentu sekali merugikan negara dan masyarakat. Rahmat bumi bertuah yang dikurniakan kelihatan tidak dihargai dengan sebaik-baiknya. Masih ada piha yang tidak mempunyai kesedaran terhadap kepentingan memelihara keimbangan ekologi alam. Biarpun kita terhindar daripada bencana alam seperti gempa bumi dan gunung berapi, hal tersebut bukanlah tiket untuk kita mengabaikan penjagaan alam semula jadi.

Sejarah telah membuktikan bahawa kemusnahan total peradaban itu bukan sahaja melibatkan bencana seperti gempa bumi dan gunung berapi semata mata, malah banjir besar turut berupaya melenyapkan sesebuah tamadun manu: Maka itu, kita perlu mengambil iktibar dengan menghayati nilai sejarah yang merakam segala kejadian sama ada bai atau buruk. Jangan nanti sudah terhant baru tengadah kerana nasi yang telah menjadi bubur tidak akan kembali menj: nasi. Oleh hal yang demikian, sebagai rakyat, kita hendaklah sentiasa peka dengan amukkan alam kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati.

Penulis, Pensyarah di Universiti Sultan Azlar Shah (USAS) dan berkelulusan Sarjana Sain: Politik.